

POLISI PERCANGGAHAN KEPENTINGAN KEMENTERIAN PERTAHANAN

- 1. DEFINISI**
- 2. PENYATAAN POLISI**
- 3. OBJEKTIF POLISI**
- 4. SKOP PEMAKAIAN**
- 5. PENGISYTIHARAN PERCANGGAHAN KEPENTINGAN**
- 6. HUKUMAN BAGI KETIDAKPATUHAN**
- 7. TARikh KUAT KUASA**
- 8. RANGKA KERJA PROSES PENGISYTIHARAN PERCANGGAHAN KEPENTINGAN**
- 9. BORANG DEKLARASI PERCANGGAHAN KEPENTINGAN**

1. DEFINISI

- 1.1 Percanggahan kepentingan (*conflict of interest*) bermaksud berlakunya **percanggahan/konflik** antara tanggungjawab awam dan kepentingan peribadi seseorang penjawat awam (warga) Kementerian
- 1.2 Percanggahan kepentingan ini boleh menyebabkan pelaksanaan tugas dan tanggungjawab seorang warga Kementerian terjejas dan akan memberi kesan atau pengaruh negatif dalam setiap keputusan dan pertimbangan yang diambil.
- 1.3 Percanggahan kepentingan sering kali timbul dalam situasi apabila seseorang warga tersebut berhadapan kesukaran untuk membuat pilihan antara sesuatu perkara yang mempunyai kepentingan peribadinya berbanding dengan kepentingan Kerajaan.
- 1.4 Contoh percanggahan kepentingan adalah penglibatan saudara kepada warga Kementerian yang menguruskan perolehan Kerajaan. **Seksyen 3, Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009** memperuntukkan definisi “saudara” seperti berikut:

“saudara”, berhubungan dengan seseorang ertiaya-

- a) isteri atau suami orang itu;
- b) adik atau abang kakak orang itu;
- c) adik atau abang atau kakak isteri suami orang itu;
- d) orang yang mempunyai pertalian nasab langsung ke atas atau ke bawah dengan orang itu;
- e) orang yang mempunyai pertalian nasab langsung ke atas atau ke bawah dengan isteri atau suami orang itu;
- f) orang yang mempunyai pertalian nasab langsung ke bawah dengan orang yang disebut dalam perenggan (b);
- g) bapa saudara, emak saudara atau sepupu orang itu; atau
- h) menantu orang itu.

2. PENYATAAN POLISI

- 2.1 Semua warga Kementerian Pertahanan perlu dalam setiap masa mengelakkan diri daripada terlibat di dalam situasi percanggahan/konflik kepentingan dan sekiranya tidak dapat dielakkan maka ia perlu dilaporkan secara bertulis dengan secepat mungkin dengan menyatakan fakta mengenai percanggahan/konflik kepentingan tersebut.

3. OBJEKTIF POLISI

- 3.1 Objektif Polisi Percanggahan kepentingan ini diwujudkan adalah bagi memastikan kepentingan Kerajaan terpelihara di samping memastikan setiap keputusan atau tindakan yang diambil oleh warga Kementerian Pertahanan adalah **telus dan berintegriti**.
- 3.2 Membudayakan nilai integriti dan etika penjawat awam yang cemerlang di Kementerian Pertahanan.

4. SKOP PEMAKAIAN

- 4.1 Polisi ini terpakai kepada:

- 4.1.1 semua ahli Pengurusan Tertinggi Kementerian Pertahanan;
- 4.1.2 warga Kementerian Pertahanan yang terdiri daripada pegawai dan kakitangan;
- 4.1.3 semua perunding, pembekal, vendor dan kontraktor yang berurusan rasmi dengan Kementerian;
- 4.1.4 pihak berkepentingan Kementerian Pertahanan; dan
- 4.1.5 orang awam.

- 4.2 Ahli Pengurusan Tertinggi Kementerian Pertahanan adalah termasuk:

- 4.2.1 Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan;
- 4.2.2 Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan);
- 4.2.3 Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan);
- 4.2.4 Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar); dan
- 4.2.5 Semua Setiausaha Bahagian/Ketua Jabatan.

5. PENGISYTIHARAN PERCANGGAHAN KEPENTINGAN

- 5.1 Bagi memastikan kepentingan Kerajaan terpelihara, adalah menjadi kewajipan warga Kementerian Pertahanan yang mempunyai kepentingan

kewangan, peribadi, kumpulan, parti politik dan persatuan membuat pengisytiharan kepada Ketua Jabatan dengan **segera** apabila terdapat keadaan yang boleh mewujudkan konflik kepentingan.

- 5.2 Borang Pengisytiharan Kepentingan boleh diperolehi daripada Unit Integriti atau Bahagian Pengurusan Sumber Manusia, Kementerian Pertahanan Malaysia untuk diisi oleh warga dan diserahkan kepada Ketua Jabatan tempat warga tersebut bertugas. Contoh Borang adalah seperti di **Lampiran A**.
- 5.3 Tempoh masa yang dicadangkan bagi seseorang warga Kementerian Pertahanan untuk membuat pengisytiharan kepada Ketua Jabatannya, sekiranya wujud konflik kepentingan adalah seperti berikut:

Bil	Perkara	Tempoh Masa	Catatan
1.	Bagi semua urusan perolehan kerajaan	3 hari dari tarikh pegawai tersebut mengetahui bahawa saudaranya terlibat dalam urusan perolehan tersebut.	Definisi saudara adalah seperti yang dinyatakan di bawah Seksyen 3, Akta SPRM 2009
2.	Penglibatan dalam aktiviti di luar Kementerian Pertahanan.	3 hari dari tarikh penglibatan.	Contoh: penyertaan sebagai calon dalam pilihanraya parti politik.
3.	Pelantikan sebagai Ahli Lembaga Pengarah Syarikat	3 hari dari tarikh tawaran pelantikan sebagai Ahli Lembaga Pengarah Syarikat diterima.	Kelulusan muktamad untuk menjadi Ahli Lembaga Syarikat hendaklah ditentukan mengikut garis panduan pelantikan Ahli Lembaga Pengarah setelah semakan mengenai percanggahan kepentingan dibuat.
4.	Lain-lain situasi yang berisiko untuk wujudnya konflik kepentingan.	3 hari dari tarikh berlakunya percanggahan kepentingan.	

- 5.4 Dalam hal ini, warga Kementerian Pertahanan hendaklah sentiasa bertindak demi kepentingan Kementerian dan bukannya kepentingan individu. Langkah terbaik bagi mengelakkan diri daripada terlibat dalam situasi ini adalah dengan memastikan diri tidak terlibat dalam sebarang perkara/aktiviti yang akan memberi ruang dalam wujudnya percanggahan kepentingan.


6. HUKUMAN BAGI KETIDAKPATUHAN

- 6.1 Sekiranya didapati warga kementerian tersebut **tidak atau lewat** membuat pengisytiharan kepada Ketua Jabatan maka tindakan tatatertib di bawah **Peraturan-peraturan Pegawai Awam(Kelakuan dan Tatatertib) 1993** boleh dikenakan ke atas warga berkenaan.
- 6.2 Walau bagaimanapun, tindakan tatatertib adalah bergantung kepada pertimbangan Ketua Jabatan.

7. TARIKH KUAT KUASA

- 7.1 Pelaksanaan Polisi Percanggahan Kepentingan di Kementerian Pertahanan **berkuatkuasa mulai 21 Mac 2019**.

8. RANGKA KERJA PROSES PENGISYTIHARAN PERCANGGAHAN KEPENTINGAN



LAMPIRAN A

SULIT

**BORANG PERCANGGAHAN KEPENTINGAN
KEMENTERIAN PERTAHANAN**

Kepada : _____ (KETUA JABATAN)

Saya _____

No.K/P: _____ dengan ini mengisyiharkan bahwasanya:

Saya serta saudara saya (berdasarkan definisi Seksyen 3 Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009) **TIDAK MEMPUNYAI** kepentingan kewangan atau kepentingan peribadi secara langsung atau tidak langsung, dalam apa jua perkara yang menimbulkan atau boleh menimbulkan percanggahan dengan tugas-tugas saya sebagai di Kementerian Pertahanan.

Saya serta saudara saya (berdasarkan definisi Seksyen 3 Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009) **SESUNGGUHNYA MEMPUNYAI** kepentingan kewangan atau kepentingan peribadi secara langsung atau tidak langsung, dalam perkara tertentu yang menimbulkan atau boleh menimbulkan percanggahan dengan tugas-tugas saya sebagai di Kementerian Pertahanan. Butir-butir perkara berkenaan dinyatakan di bawah ini:-

Syarikat/organisasi yang terbabit:

Hubungannya dengan **Kementerian Pertahanan**:

Jawatan saya atau saudara (berdasarkan definisi Seksyen 3 Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009) di dalam syarikat :

Kepentingan kewangan yang terbabit (sila nyatakan dengan khusus jenis dan nilai):
RM _____

SULIT

SULIT

Dengan ini, saya dengan sesungguhnya berikrar dan bersumpah bahawa maklumat yang diberikan di atas adalah benar, betul dan lengkap.

Saya mengakui bahawa saya akan membuat satu pengisyiharan lagi untuk menyatakan sebarang perubahan dalam apa-apa perkara yang terkandung di dalam pengisyiharan ini dalam masa **3 hari** selepas berlaku perubahan tersebut. Saya juga akan menyediakan maklumat lanjut mengenai butir-butir yang terkandung di dalam pengisyiharan ini jika dikehendaki berbuat demikian oleh Kementerian Pertahanan. Di samping itu, saya juga akan membuat **pengisyiharan tambahan** kepada Kementerian Pertahanan apabila wujud potensi berlakunya percanggahan kepentingan yang timbul semasa saya melaksanakan tugas rasmi saya sebagai _____ di Kementerian Pertahanan.

Saya juga faham bahawa jika saya dibuktikan telah mengemukakan maklumat palsu, dengan sengaja atau tidak sengaja, saya akan dikenakan hukuman sebagaimana yang ditentukan oleh Kementerian Pertahanan mengikut tindakan tatatertib di bawah **Peraturan-peraturan Pegawai Awam(Kelakuan dan Tatatertib) 1993.**

Tandatangan :

Nama :

No. K/P :

Tarikh

SULIT